

## Terma dan Syarat Umum Pembelian Kumpulan Sibelco

### 1. Definisi

**"SIBELCO"** bermaksud entiti sah kumpulan Sibelco yang membuat Pesanan.

**"Barangan"** bermaksud barang (termasuk sebarang ansuran barang atau mana-mana bahagian atau sebahagian daripadanya), Bahan Mentah dan/atau Barang Dagangan yang diperihalkan dalam Pesanan.

**"Pesanan"** bermaksud pesanan pembelian SIBELCO untuk Barang dan/atau Perkhidmatan (berkaitan) (jika ada), bersama-sama dengan Spesifikasi.

**"Bahan Mentah"** bermaksud bahan-bahan yang terhasil secara semula jadi, dihasilkan secara sintetik atau sampingan, diperoleh dari luar, digunakan dalam proses pengeluaran Sibelco untuk menghasilkan produk Sibelco.

**"Penjual"** bermaksud entiti yang menerima Pesanan.

**"Perkhidmatan"** bermaksud perkhidmatan (jika ada) yang diperihalkan dalam Pesanan.

**"Kumpulan Sibelco"** bermaksud syarikat penyelesaian bahan seluruh dunia dengan SCR-Sibelco NV sebagai syarikat induk ulung dan subsidiarinya.

**"Spesifikasi"** bermaksud perihalan / spesifikasi Barang dan/ Perkhidmatan (berkaitan) (jika ada) seperti yang ditetapkan dalam atau dilampirkan dengan Pesanan.

**"Standard"** bermaksud standard seperti yang ditakrifkan dalam klausula 14 (Standard Alam Sekitar, Kesihatan & Keselamatan, Buruh dan Sosial).

**"Terma"** bermaksud Terma dan Syarat Umum Pembelian ini.

**"Barangan Dagangan"** bermaksud Bahan Mentah yang diperoleh dari luar dan dijual semula tanpa diproses lebih lanjut.

### 2. Pesanan

- 2.1 Pesanan merupakan tawaran SIBELCO untuk membeli Barang dan/atau Perkhidmatan menurut Terma ini. Sebaik sahaja diterima oleh Penjual, Penjual akan terikat dengan Pesanan tersebut.
- 2.2 Terma bekalan Penjual atau apa-apa pengubahsuaian terhadap Terma ini tidak akan berkuat kuasa kecuali dengan kebenaran bertulis SIBELCO terlebih dahulu. Sebaik sahaja menerima Pesanan, Penjual dengan ini dengan jelas bersetuju dan mengizinkan bahawa terma bekalan atau jualannya sendiri tidak diguna pakai kepada apa-apa Pesanan. Semua jualan Barang dan/atau penyediaan Perkhidmatan antara Penjual dan Sibelco ditadbir secara eksklusif oleh terma Pesanan dan Terma ini.
- 2.3 Pindaan Pesanan mestilah diterima oleh Penjual dan SIBELCO secara bertulis.
- 2.4 Sehingga apa-apa ketaktekan antara Pesanan dan Terma ini, Pesanan akan diutamakan.

### 3. Jaminan atas Kuantiti, Kualiti, Pematuhan Undang-undang

- 3.1 Penjual menjamin kepada SIBELCO bahawa:
  - (a) kuantiti, kualiti dan spesifikasi Barang dan/atau Perkhidmatan adalah seperti yang ditetapkan dalam Pesanan atau seperti dipersetujui secara bertulis oleh SIBELCO.
  - (b) Penjual harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan berkenaan pengeluaran, pembungkusan, penjualan dan penghantaran Barang dan/atau prestasi Perkhidmatan.

(c) Barang dan/atau Perkhidmatan hendaklah sesuai bagi tujuan yang dipersetujui SIBELCO atau dimaklumkan kepada Penjual apabila Pesanan dibuat.

(d) Barang, eksportnya, pengimportan, penggunaan atau penjualan semula; dan Perkhidmatan, prestasi ataupun penerimaannya; tidak akan melanggar hak harta intelektual mana-mana pihak ketiga.

(e) Perkhidmatan akan dijalankan oleh kakitangan yang layak dan terlatih dengan berhati-hati dan usaha wajar dan harus sekurang-kurangnya mencapai standard industri umum yang diterima dan standard kesihatan dan keselamatan SIBELCO.

(f) Penjual tidak menawarkan dan tidak akan menawarkan apa-apa hadiah kepada mana-mana pekerja SIBELCO berkenaan dengan Pesanan.

(g) Tiada benda asing yang wujud dalam Barang, iaitu tiada kehadiran serat asbestos dan ia tidak mengandungi apa-apa Bahan yang Amat Perlu Perhatian (SVHC).

3.2 Melainkan dipersetujui sebaliknya secara bertulis, tempoh jaminan akan tamat 2 (dua) tahun dari tarikh penghantaran Barang kepada SIBELCO atau penerimaan Perkhidmatan oleh SIBELCO.

### 4. Masa Penghantaran

- 4.1 Barang dan/atau Perkhidmatan akan dihantar pada tarikh yang dinyatakan dalam Pesanan. Masa adalah menjadi asas SIBELCO berhak menolak penerimaan Barang dan/atau Perkhidmatan yang tidak dihantar pada tarikh yang dinyatakan dalam Pesanan. Selain itu, sekiranya berlaku sebarang penghantaran awal atau lewat, SIBELCO boleh membatalkan Pesanan tanpa mengetepikan remedinya yang lain.
- 4.2 Sebaik sahaja Penjual menyedari sebarang penghantaran awal atau kelewatan penghantaran, beliau harus memaklumkan dengan segera kepada SIBELCO secara bertulis, dengan menyatakan sebab dan jangkaan tarikh penghantaran awal atau tempoh kelewatan (mengikut keadaan).

### 5. Pelepasan Hak dan Risiko

Risiko kehilangan atau kerosakan kepada Barang akan dilepaskan menurut terma penghantaran yang dipersetujui (INCOTERMS 2020) yang dinyatakan dalam Pesanan. Hak akan dilepaskan sebaik penghantaran melainkan bayaran bagi Barang dibuat sebelum penghantaran, dalam keadaan itu ia akan dilepaskan kepada SIBELCO setelah bayaran dibuat.

### 6. Pembungkusan & Penandaan

- 6.1 Penjual akan membungkus, menanda dan menghantar Barang menurut:
  - (i) arahan SIBELCO,
  - (ii) Sistem Pengelasan dan Pelabelan Bahan Kimia untuk Barang ("GHS"),
  - (iii) peraturan domestik dan antarabangsa yang berkenaan,
  - (iv) standard industri yang diterima umum dan
  - (v) Helaian Data Keselamatan.
- 6.2 Semua Barang akan dibungkus dengan bersesuaian untuk mengelakkan kerosakan dan pencemaran (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kerosakan daripada kebasahan, karat, lembapan, hakisan dan gegaran) semasa pengangkutan dan/atau penyimpanan.
- 6.3 Barang berbahaya mesti memaparkan amaran yang ketara

## Terma dan Syarat Umum Pembelian Kumpulan Sibelco

pada semua pembungkusan dan dokumen.

- 6.4 Melainkan dipersetujui secara bertulis sebaliknya, SIBELCO tidak wajib untuk memulangkan kepada Penjual apa-apa bahan pembungkusan atau pembalutan Barang.

### 7. Pemberitahuan Kerosakan

SIBELCO akan memaklumkan Penjual dalam tempoh yang wajar (tidak kurang dari 14 hari) akan apa-apa kerosakan dalam Barang / Perkhidmatan sebaik ditemui oleh SIBELCO.

### 8. Liabiliti dan Tanggung Rugi

- 8.1 Tanpa mengetepikan remedi lain, jika apa-apa Barang dan/atau Perkhidmatan tidak dihantar menurut Pesanan, SIBELCO berhak:
- (a) mengarahkan Penjual membaiki / membekalkan semula Barang dan/atau Perkhidmatan menurut Pesanan dalam masa 7 hari tanpa kos kepada SIBELCO; dan/atau
  - (b) sebagai satu-satunya pilihan, dan meskipun sebelum ini ia telah mengarahkan Penjual untuk membaiki / membekalkan semula Barang dan/atau Perkhidmatan, membatalkan Pesanan dan meminta pembayaran balik harga dan kos yang ditanggung serta kos tambahan bagi pembelian Barang dan/atau Perkhidmatan dari mana-mana pihak ketiga.
- 8.2 Penjual akan membayar ganti rugi kepada SIBELCO terhadap semua tuntutan, kerugian, liabiliti, kerugian secara langsung, tidak langsung dan sampingan, kos dan perbelanjaan yang ditanggung atau dialami oleh SIBELCO berhubung dengan:
- (a) apa-apa pelanggaran oleh Penjual atas jaminan atau syarat yang ditetapkan dalam Terma ini;
  - (b) sebarang dakwaan bahawa Barang, eksportnya, pengimportan, penggunaan atau penjualan semula, atau yang Perkhidmatan, prestasi ataupun penerimaannya, akan melanggar hak harta intelektual mana-mana pihak ketiga;
  - (c) sebarang tindakan atau peninggalan Penjual atau pekerjanya, ejen atau subkontraktor dalam membekalkan atau menghantar Barang / Perkhidmatan.

### 9. Dokumen Penghantaran

- 9.1 Nombor Pesanan harus dinyatakan di atas semua surat-menyurat dan dokumen penghantaran yang berkaitan.
- 9.2 Penjual akan menyediakan semua dokumen penghantaran mengikut (i) peraturan kastam / perdagangan antarabangsa dan domestik yang berkenaan dan (ii) arahan SIBELCO.
- 9.3 Penjual akan memberikan SIBELCO dengan segera dokumen penghantaran yang sudah disediakan (jika berkenaan) untuk meminimumkan sebarang kelewatian dalam pelepasan kastam atau penerimaan Barang.
- 9.4 Sebarang jenis pengangkutan (cth. trak, kereta api, kapal terbang, kapal, dll) yang dilantik oleh Penjual untuk menghantar Barang dengan keadaan bersih dan langkah berjaga-jaga yang penting diambil bagi perlindungan mereka sebaik mungkin menurut spesifikasi teknikal yang diterima dari SIBELCO.
- 9.5 Sebarang bayaran tambahan yang dikenakan terhadap SIBELCO akibat kegagalan Penjual (i) mematuhi perkara di atas atau (ii) menyediakan dokumen penghantaran dengan cara yang betul, akan ditanggung oleh Penjual.

### 10. Invois dan Pembayaran

- 10.1 Semua penghantaran harus diselesaikan tanpa caj tambahan kepada SIBELCO melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Pesanan.
- 10.2 Invois Penjual mesti (i) menyatakan Nombor Pesanan dan nombor nota penghantaran Penjual dan (ii) menurut butiran dalam Pesanan berhubung dengan perihalan Barang, Perkhidmatan (termasuk naratif/helaian masa, jika diminta oleh SIBELCO), harga, kuantiti, pesanan item dan nombor item. Sebarang invois yang tidak mematuhi syarat-syarat di atas mungkin ditolak.
- 10.3 Bayaran bergantung pada Barang dan/atau Perkhidmatan didapati menurut Pesanan. Walau bagaimanapun, bayaran dibuat oleh SIBELCO tidak akan menjelaskan haknya untuk mengaitkan kerosakan pada Barang/Perkhidmatan.
- 10.4 Terma pembayaran SIBELCO ialah 60 hari kalender daripada penerimaan invois akhir bulan yang betul Penjual, melainkan SIBELCO menyatakan sebaliknya dalam Pesanan.

### 11. Force Majeure

- 11.1 SIBELCO ataupun Penjual tidak bertanggungjawab ke atas kelewatian / ketidakterlaksanaan kewajipannya masing-masing di bawah Pesanan dan Terma ini (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kelewatian / tiada penghantaran atau kelewatian penerimaan / tidak menerima Barang dan/atau Perkhidmatan) disebabkan oleh force majeure, seperti kebakaran serius, banjir, taufan atau gempa bumi. Pihak yang terjejas akibat peristiwa force majeure perlu memaklumkan pihak lain dengan segera tentang kejadian sebarang peristiwa force majeure dan akan mengambil semua langkah yang wajar untuk meneruskan pelaksanaan tanggungjawabnya di bawah Pesanan dan Terma ini.
- 11.2 Jika Force Majeure berterusan selama tempoh 10 hari kalender, SIBELCO boleh membatalkan Pesanan serta-merta dengan notis bertulis kepada Penjual.

### 12. Kerahsiaan

Penjual hanya boleh menggunakan dan mendedahkan kepada pekerjanya yang ada keperluan untuk mengetahui maklumat operasi dan hal perniagaan SIBELCO yang diperoleh berhubung dengan Pesanan semata-mata bagi tujuan memenuhi Pesanan dan harus merahsiakan maklumat tersebut, kecuali setakat yang atau menjadi pengetahuan umum bukan melalui kesilapan Penjual atau pekerja, ejen atau subkontraktornya.

### 13. Undang-undang Pentadbir & Penimbangtaruan

- 13.1 Pesanan akan ditadbir oleh undang-undang negara di mana entiti SIBELCO yang membuat Pesanan terletak/ditubuhkan.
- 13.2 Kebolehgunaan Konvensyen tentang Kontrak bagi Penjualan Barang Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (CISG) dikecualikan daripada apa-apa dan semua urus niaga antara SIBELCO dan Penjual.
- 13.3 Apa-apa pertikaian berhubung dengan Pesanan akan didengari, mengikut pilihan dan budi bicara eksklusif SIBELCO, di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa di atas tempat perniagaan utama Penjual atau tempat perniagaan utama SIBELCO.

### 14. Standard Alam Sekitar, Kesihatan & Keselamatan, Buruh dan Sosial

## Terma dan Syarat Umum Pembelian Kumpulan Sibelco

SIBELCO menjalankan perniagaannya menurut prinsip pembangunan mapan dan mematuhi standard alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, buruh dan sosial yang diiktiraf antarabangsa (bersama dipanggil "Standard"). Standard adalah kritikal bagi asas SIBELCO menjalankan perniagaannya sendiri dan bagi apa-apa urus niaga perniagaan dengan pihak lain yang mana SIBELCO merupakan satu pihak. Penjual akan mematuhi Standard atau standard alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, buruh dan sosialnya sendiri yang secara materialnya serupa dengan Standard dan menghendaki supaya pembekal dan subkontraktornya, mana-mana peringkat, mematuhi standard yang dikenakan. Sibelco berhak menjalankan audit terhadap perlakuan perniagaan Penjual secara yang wajar yang mana Sibelco fikir bersesuaian untuk mengesahkan dan menyemak pematuhan Penjual terhadap Klausu ini. Tatakelakuan pembekal SIBELCO merupakan sebahagian penting Terma ini.

### 15. Helaian Data Keselamatan ("SDS")

Penjual akan memastikan yang SIBELCO menerima edisi semasa SDS masing-masing. Penjual juga akan memajukan secara automatik sebarang pengubahsuaian kepada SDS – atau perubahan pelabelan atau kewajipan – kepada SIBELCO. Semua pengubahsuaian akan ditekankan dengan sewajarnya.

### 16. Maklumat berkenaan peraturan dan statut domestik / antarabangsa

- 16.1 Penjual akan merekodkan semua bahaya yang dikaitkan dengan Barang/Perkhidmatan dan pengelasannya menurut peraturan dan statut domestik dan antarabangsa (cth. ADR, RID, ADNR, Kod IMDG, IATA-DGR, dsb.) dalam dokumen pemindahan dan penghantaran.
- 16.2 Penjual juga akan mematuhi semua peraturan dan statut sedia ada dari segi pembungkusan dan pelabelan Barang. Sekiranya berlaku apa-apa kegagalan oleh Penjual untuk mematuhi syarat-syarat ini, Penjual akan dipertanggungjawabkan terhadap semua akibat yang timbul daripada pelanggaran demikian.

### 17. Penamatian

Jika (i) Penjual melanggar Pesanan dari segi material dan, pada pendapat wajar tunggal SIBELCO, pelanggaran tidak boleh dipulihkan; atau (ii) boleh dipulihkan, tetapi tidak dipulihkan oleh Penjual dalam masa 14 hari selepas SIBELCO memberikan notis pelanggaran kepada Penjual; atau (iii) Penjual terlibat dengan, diisyiharkan muflis atau mendapat penerimaan atau pembubaran atau apa-apa petisyen dibentangkan terhadap Penjual atas muflis, penerimaan atau pembubaran, SIBELCO berhak menggantung atau menamatkan serta-merta Pesanan (tanpa prejudis kepada haknya yang lain) dan tanpa kos.

### 18. Logo SIBELCO

Penjual tidak boleh menggunakan tanda dan tanda dagangan SIBELCO dalam cara apa jua dalam pemasarannya atau tanpa lesen yang sah dan/atau kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada SIBELCO.

### 19. INSURANS

Penjual harus mengatur dan mengekalkan, atas kos sendiri, semua insurans yang lazim dan syarat-syarat yang biasa dalam industri dan memuaskan kepada SIBELCO, khususnya insurans liabiliti profesional, awam dan produk. Penjual perlu menunjukkan bukti insurans demikian kepada SIBELCO apabila diminta. Bagi mengelakkan kesangjian, perlindungan insurans tidak akan mengehadkan dengan apa jua cara tanggungjawab dan liabiliti Penjual terhadap Barangan dihantar dan Perkhidmatan yang dijalankan untuk SIBELCO.

### 20. Umum

- 20.1 Penjual mesti mematuhi undang-undang yang dikenakan berkaitan dengan pemprosesan data peribadi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada GDPR).
- 20.2 Jika mana-mana peruntukan atau separa peruntukan Pesanan atau Terma ini adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia akan diubah suai setakat minimum yang perlu untuk menjadikannya sah, sah dari segi undang-undang dan boleh dikuatkuasakan. Jika pengubahsuaian demikian tidak boleh dilakukan, peruntukan atau separa peruntukan yang relevan akan dianggap dipadam. Sebarang pengubahsuaian demikian tidak akan menjelaskan kesahan dan kebolehkuatkuasaan seluruh Pesanan atau Terma.
- 20.3 Kegagalan atau kelewatan melaksanakan (atau melaksanakan sepenuhnya) apa-apa hak atau remedи tidak membentuk penepian atau pengabaian hak itu atau apa-apa hak atau remedи lain, ia juga tidak mencegah atau menyekat pelaksanaan lanjut hak itu atau apa-apa hak atau remedи lain.
- 20.4 Penjual tidak boleh menugaskan atau memindahkan, subkontrak ataupun tawaran dalam apa jua cara dengan mana-mana atau semua hak dan kewajipannya di bawah Pesanan tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada SIBELCO.